



## SURAT PEMBERITAHUAN

### JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BILANGAN 19/2021

Yang Amat Mulia / Yang Dimuliakan / Yang Mulia  
Setiausaha-Setiausaha Tetap  
Ketua-Ketua Jabatan  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Sila Rujuk Pembahagian)

السَّلَامُ عَلٰى رَسُوْلِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِيْ وَكَّلْنَا

### PENYERAPAN PERKHIDMATAN '*OPEN VOTE*' DAN LANTIKAN PERKHIDMATAN BERGAJI HARI KE PERKHIDMATAN TETAP

Dengan merujuk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 8/2021 bertarikh 6 Zulhijjah 1442 bersamaan 17 Julai 2021 mengenai dengan Penyerapan Perkhidmatan '*Open Vote*' dan Lantikan Perkhidmatan Bergaji Hari ke Perkhidmatan Tetap.

#### 1. Syarat-Syarat Penyerapan Dan Lantikan ke Perkhidmatan Tetap

Perkhidmatan ' <i>Open Vote</i> '	Perkhidmatan Bergaji Hari
a. Semua kakitangan dalam Perkhidmatan ' <i>Open Vote</i> ' akan diserapkan ke Perkhidmatan Tetap;	a. Kakitangan dalam Perkhidmatan Bergaji hari yang memenuhi syarat seperti berikut akan dilantik ke Perkhidmatan Tetap:
b. Kakitangan yang dimaksudkan terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.	i. Hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Perkhidmatan ' <i>Open Vote</i> '	Perkhidmatan Bergaji Hari
	<p data-bbox="911 235 1394 309">Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.</p> <p data-bbox="842 349 1394 465">ii. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam Perkhidmatan Bergaji Hari.</p> <p data-bbox="820 506 1394 734">iii. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi tiga (3) tahun berturut-turut sekurang-kurangnya di tahap 'Baik' (Gred C) dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan</p> <p data-bbox="820 775 1394 815">iv. Lulus tapisan keselamatan.</p> <p data-bbox="820 855 1394 1039">v. Hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan (<i>medical check-up</i>) serta mendapatkan Sijil Pengakuan Kesihatan dari Doktor Kerajaan.</p>

## 2. **Tatacara Menghadapkan Permohonan**

2.1 Bagi melicinkan lagi keberkesanan urusan-urusan penyerapan Perkhidmatan '*Open Vote*' dan Lantikan Perkhidmatan Bergaji Hari dalam Bahagian IV dan V ke Perkhidmatan Tetap, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan hendaklah memastikan sokongan-sokongan berkenaan dihadapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dengan lengkap dan sempurna serta memenuhi tatacara seperti berikut:

### **2.1.1 Penyerapan Perkhidmatan '*Open Vote*' ke Perkhidmatan Tetap**

- i. Kementerian/ Jabatan perlu mendapatkan waran perjawatan daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi terlebih dahulu bagi permohonan pindah peruntukan dari Peruntukan B00100 - Open Vote dan Gaji Hari di bawah peruntukan Perbelanjaan Berulang-Ulang ke peruntukan G - Gaji Kakitangan.
- ii. Menghadapkan permohonan bagi kebenaran penyerapan Perkhidmatan '*Open Vote*' ke Perkhidmatan Tetap ke

No

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui Jabatan Perkhidmatan Awam.

**iii. Penyerapan Perkhidmatan 'Open Vote' dalam Bahagian IV dan V ke Perkhidmatan Tetap hendaklah menghadapkan senarai semak, OVT-1 dan Borang OVT-2 dengan menyertakan:-**

- a) Surat/Memorandum sokongan Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan;
- b) Senarai pemegang yang disahkan oleh Ketua Jabatan dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;
- c) Salinan Kad Pengenalan;
- d) Sijil Kerakyatan (jika berkenaan);
- e) Catatan Rekod Perkhidmatan yang betul, teratur dan dikemaskini;
- f) Salinan surat/memorandum kebenaran lantikan Perkhidmatan 'Open Vote' daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
- g) Waran perjawatan yang diluluskan;
- h) Salinan sijil tamat perkhidmatan bekas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Polis Diraja Brunei atau Wadar (jika berkenaan) termasuk maklumat pencen bulanan yang diterima (sila nyatakan jika ada).

**2.1.2 Tatacara Menghadapkan Permohonan Lantikan Perkhidmatan Bergaji Hari ke Perkhidmatan Tetap**

- i. Kementerian/ Jabatan hendaklah menghadapkan senarai nama yang berkenaan ke agensi-agensi yang berkaitan bagi mendapatkan laporan tapisan keselamatan.
- ii. Menghadapkan permohonan bagi pewujudan gelaran nama jawatan dan tanggagaji Perkhidmatan Bergaji Hari ke Perkhidmatan Tetap ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui Jabatan Perkhidmatan Awam;
- iii. Kementerian/ Jabatan perlu mendapatkan waran perjawatan daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi terlebih dahulu bagi permohonan pindah peruntukan dari Peruntukan B00100 - Open Vote dan Gaji Hari di bawah peruntukan Perbelanjaan Berulang-Ulang ke peruntukan G - Gaji Kakitangan setelah mendapat gelaran nama jawatan dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;

No

- iv. **Lantikan Perkhidmatan Bergaji Hari dalam Bahagian IV dan V ke Perkhidmatan Tetap hendaklah menghadapkan senarai semak, GHT-1 dan borang GHT-2 dengan menyertakan:-**
- a) Surat/Memorandum sokongan Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan;
  - b) Senarai pemegang yang disahkan oleh Ketua Jabatan dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;
  - c) Salinan Kad Pengenalan;
  - d) Sijil Kerakyatan (jika berkenaan);
  - e) Catatan Rekod Perkhidmatan yang betul, teratur dan dikemaskini;
  - f) Salinan Laporan Penilaian Prestasi tiga (3) tahun berturut-turut sekurang-kurangnya di tahap BAIK (Gred C) dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan.
  - g) Salinan surat/memorandum kebenaran pengambilan Perkhidmatan Bergaji Hari daripada Jabatan Perkhidmatan Awam;
  - h) Waran perjawatan yang diluluskan;
  - i) Salinan sijil tamat perkhidmatan bekas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Polis Diraja Brunei atau Wadar (jika berkenaan) termasuk maklumat pencen bulanan yang diterima (sila nyatakan jika ada).
- v. Hendaklah memastikan kakitangan yang dilantik ke Perkhidmatan Tetap menjalani pemeriksaan kesihatan dan menghadapkan laporan pemeriksaan kesihatan ke Kementerian/ Jabatan masing-masing, tertakluk kebenaran Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
- vi. Kementerian/ Jabatan mengeluarkan surat arahan melapor diri kepada kakitangan yang dilantik ke Perkhidmatan Tetap, tertakluk keputusan laporan pemeriksaan kesihatan.
3. Mana-mana kakitangan di dalam Perkhidmatan '*Open Vote*' dan Perkhidmatan Bergaji Hari yang diserapkan/ dilantik ke perkhidmatan Tetap yang naik pangkat atau bersara atau menamatkan perkhidmatan, **maka jawatan yang dipegangnya sebelum ini dengan sendirinya akan ditiadakan dan bukan dikira sebagai kekosongan jawatan.**

No

4. Tarikh Penyerapan/Lantikan, Tempoh Perkhidmatan dan Tempoh Percubaan:

Perkhidmatan ' <i>Open Vote</i> '	Perkhidmatan Bergaji Hari
<p><b>a. Tarikh Penyerapan</b></p> <p>Tertakluk kepada keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.</p> <p><b>b. Tempoh Perkhidmatan</b></p> <p>Tempoh perkhidmatan adalah bersambung dan faedah-faedah perkhidmatan tidak akan terjejas.</p>	<p><b>a. Tarikh Lantikan</b></p> <p>Tarikh lantikan bermula setelah melapor diri dalam Perkhidmatan Tetap.</p> <p><b>b. Tempoh Perkhidmatan</b></p> <p>Perkhidmatan Tetap akan dikira dari tarikh melapor diri.</p> <p><b>c. Tempoh Percubaan</b></p> <p>i. Bahagian IV = 3 tahun; dan ii. Bahagian V = 1 tahun.</p>

5. Bagi kakitangan di dalam Perkhidmatan Bergaji Hari yang **belum memenuhi** syarat-syarat yang ditetapkan, akan dilantik ke Perkhidmatan Tetap setelah memenuhi syarat-syarat tersebut.
6. Manakala bagi kakitangan di dalam Perkhidmatan Bergaji Hari yang **tidak memenuhi** syarat-syarat yang telah ditetapkan, kakitangan berkenaan akan dikekalkan di dalam Perkhidmatan Bergaji Hari sehingga bersara tertakluk kepada dasar dan peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
7. Aliran proses kerja bagi penyerapan kakitangan dalam Perkhidmatan '*Open Vote*' dan lantikan Perkhidmatan Bergaji Hari ke Perkhidmatan Tetap adalah seperti di **LAMPIRAN A**;
8. Penyelarasan gelaran-gelaran jawatan Perkhidmatan '*Open Vote*' yang diserapkan ke dalam Perkhidmatan Tetap dan Perkhidmatan Bergaji Hari yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Tetap adalah tertakluk kepada keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
9. Skim Perkhidmatan bagi penyerapan perkhidmatan '*Open Vote*' dan lantikan Perkhidmatan Bergaji Hari ke Perkhidmatan Tetap seperti berikut:-

No

- 9.1 Skim Perkhidmatan Pekerja Tingkat Khas [**LAMPIRAN 1**];
- 9.2 Skim Perkhidmatan Pekerja Tingkat I [**LAMPIRAN 2**]; dan
- 9.3 Skim Perkhidmatan Pekerja Tingkat II [**LAMPIRAN 3**].

10. Senarai semak, OVT-1 dan Borang OVT-2 serta GHT-1 dan Borang GHT-2 bolehlah dimuat turun melalui laman sesawang [www.psd.gov.bn](http://www.psd.gov.bn)

Surat sokongan dan dokumen yang telah lengkap dan dikemaskini hendaklah dihadapkan ke alamat berikut:-

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perdana Menteri  
Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang  
BA 1311 Bandar Seri Begawan  
Negara Brunei Darussalam  
(UP: Pengarah Keanggotaan dan Pentadbiran Latihan)

Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenainya, pihak Setiausaha – Setiausaha Tetap dan Ketua - Ketua Jabatan bolehlah menghubungi:-

Sub-Unit Open Vote dan Gaji Hari  
Bahagian Keanggotaan dan Pentadbiran Latihan  
Tel: 2382469 / 2383470 ext 161, 467 & 430  
Emel: [info.bkpl@psd.gov.bn](mailto:info.bkpl@psd.gov.bn)

Surat Pemberitahuan ini dikuatkuasakan penggunaannya mulai **1 Oktober 2021**.

Sekian disampaikan.

وَاللَّهُ لِيُتَوَفَّقَ

*"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"*  
*"Sunnah Rasulullah, Suluh Kehidupan"*



**( DR NORFARIZAL BIN OTHMAN )**  
**Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**

Tarikh: 30 Safar 1443H/ 07 Oktober 2021M



## ALIRAN PROSES KERJA BAGI PERKHIDMATAN 'OPEN VOTE'

JPA

Jabatan Perkhidmatan Awam akan menghadapkan ke Kementerian/ Jabatan senarai nama kakitangan yang terlibat bagi pengesahan dan pengemaskinian.

**Proses Penyerapan**

KEM/JAB

**Waran Perjawatan**

Kementerian/ Jabatan perlu mendapatkan waran perjawatan daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MoFE) terlebih dahulu bagi permohonan pindah peruntukan dari Peruntukan B00100 - Open Vote dan Gaji Hari di bawah peruntukan Perbelanjaan Berulang-Ulang ke peruntukan G - Gaji Kakitangan.

KEM/JAB

Setelah mendapatkan waran perjawatan daripada MoFE, pihak Kementerian/ Jabatan bolehlah menghadapkan permohonan penyerapan dan kebenaran ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

**Permohonan dan Kebenaran Penyerapan**

JPA

**Permohonan dihadapkan ke SPA**

Permohonan akan dihadapkan ke SPA melalui JPA tertakluk maklumat adalah lengkap dan teratur dan SPA akan menyebarkan sokongan penyerapan seperti lazimnya.


SPA

Keputusan permohonan akan disampaikan oleh pihak SPA ke Kementerian/ Jabatan beserta surat penyerapan.

**Keputusan Permohonan**



# ALIRAN PROSES KERJA BAGI PERKHIDMATAN BERGAJI HARI





---

**Skim Perkhidmatan Bagi Penyerapan Kakitangan 'Open Vote' dan Bergaji Hari**

---

**SKIM PERKHIDMATAN**

- |                               |   |   |
|-------------------------------|---|---|
| <b>1. JAWATAN</b>             | : | <b>PEKERJA TINGKAT KHAS (TETAP)</b>   |
| <b>2. BAHAGIAN</b>            | : | IV  |
| <b>3. TANGGAGAJI</b>          | : | <b>Tertakluk kepada Tanggagaji dalam jawatan 'Open Vote' dalam Tanggagaji D dan sebanding dan bagi jawatan Bergaji Hari - penetapan tanggagaji dan gaji adalah mengikut ketetapan sepertimana lazimnya.</b> |
| <b>4. JABATAN/KEMENTERIAN</b> | : | Jabatan-Jabatan Kerajaan  |
- 

**5. SYARAT KELAYAKAN**

- a. Mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- c.
  - i. Sedang berkhidmat dalam **perkhidmatan 'Open Vote' sebagai Pekerja Tingkat Khas atau Pekerja Tingkat 1 atau Pekerja Tingkat II** atau jawatan yang bersesuaian (bagi mana-mana jawatan 'Open Vote' sebelum diserapkan ke Perkhidmatan Tetap) sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D dan sebanding.

ATAU

- ii. Sedang berkhidmat dalam **perkhidmatan Gaji Hari** dalam jawatan dan dalam lingkungan bidang tugas serta kelulusan jawatan yang bersesuaian.

- d. **Bagi kakitangan bergaji hari yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Tetap** mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi tiga (3) tahun berturut-turut sekurang-kurangnya di tahap BAIK (Gred C) dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan.

**6. SYARAT-SYARAT LAIN**

- a. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk diluar masa pekerjaan biasa dan dimana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
- b. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

---

*Pindaan dan tambahan kepada Skim Perkhidmatan ke atas jawatan ini hendaklah dengan kebenaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam*

*m.s. 1*



---

*Skim Perkhidmatan Bagi Penyerapan Kakitangan 'Open Vote' dan Bergaji Hari*

---

## 7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tertakluk kepada tugas dan tanggungjawab yang berkaitan dan yang diarahkan oleh Pegawai atasan di Jabatan/ Kementerian berkenaan.

## 8. TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN

Tempoh percubaan hanya akan **dikenakan bagi kakitangan bergaji hari yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Tetap sahaja dan tidak dikenakan bagi kakitangan dalam 'Open Vote'**.

Mereka adalah dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 3 tahun dan akan ditetapkan dalam jawatannya setelah berjaya menamatkan tempoh percubaan dan memenuhi syarat bagi penetapan jawatan serta mendapat sokongan Ketua Jabatan.



## 9. KURSUS/LATIHAN

Pekerja Tingkat Khas (Tetap) adalah dikehendaki mengikuti setiap kursus/latihan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

---

**Skim Perkhidmatan Bagi Penyerapan Kakitangan 'Open Vote' dan Bergaji Hari**

---

**SKIM PERKHIDMATAN**

- |                               |   |   |
|-------------------------------|---|---|
| <b>1. JAWATAN</b>             | : | <b>PEKERJA TINGKAT I (TETAP)</b>  |
| <b>2. BAHAGIAN</b>            | : | V   |
| <b>3. TANGGAGAJI</b>          | : | <b>Tertakluk kepada Tanggagaji dalam jawatan 'Open Vote' dalam Tanggagaji E dan sebanding dan bagi jawatan Bergaji Hari - penetapan tanggagaji dan gaji adalah mengikut ketetapan sepertimana lazimnya.</b> |
| <b>4. JABATAN/KEMENTERIAN</b> | : | Jabatan-Jabatan Kerajaan  |
- 

**5. SYARAT KELAYAKAN**

- a. Mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- c.
  - i. Sedang berkhidmat dalam **perkhidmatan 'Open Vote'** sebagai Pekerja Tingkat III atau jawatan yang bersesuaian (bagi mana-mana jawatan sebelum diserapkan ke Perkhidmatan Tetap) sekurang-kurangnya dalam tanggagaji E dan sebanding.

ATAU

- ii. Sedang berkhidmat dalam **perkhidmatan Gaji Hari** dalam jawatan dan dalam lingkungan bidang tugas serta kelulusan jawatan yang bersesuaian.
- d. **Bagi kakitangan bergaji hari yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Tetap** mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi tiga (3) tahun berturut-turut sekurang-kurangnya di tahap BAIK (Gred C) dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan.

**6. SYARAT-SYARAT LAIN**

- a. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk diluar masa pekerjaan biasa dan dimana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
- b. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.



---

**Skim Perkhidmatan Bagi Penyerapan Kakitangan 'Open Vote' dan Bergaji Hari**

---

**7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

Tertakluk kepada tugas dan tanggungjawab yang berkaitan dan yang diarahkan oleh Pegawai atasan di Jabatan/ Kementerian berkenaan.

**8. TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN**

Tempoh percubaan hanya akan **dikenakan bagi kakitangan bergaji hari yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Tetap sahaja dan tidak dikenakan bagi kakitangan dalam 'Open Vote'**.

Mereka adalah dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 1 tahun dan akan ditetapkan dalam jawatannya setelah berjaya menamatkan tempoh percubaan dan memenuhi syarat bagi penetapan jawatan serta mendapat sokongan Ketua Jabatan.

**9. KURSUS/LATIHAN**

Pekerja Tingkat I (Tetap) adalah dikehendaki mengikuti setiap kursus/latihan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.



---

**Skim Perkhidmatan Bagi Penyerapan Kakitangan 'Open Vote' dan Bergaji Hari**

---

**SKIM PERKHIDMATAN**

- |                               |   |   |
|-------------------------------|---|---|
| <b>1. JAWATAN</b>             | : | <b>PEKERJA TINGKAT II (TETAP)</b>   |
| <b>2. BAHAGIAN</b>            | : | V   |
| <b>3. TANGGAGAJI</b>          | : | <b>Tertakluk kepada Tanggagaji dalam jawatan 'Open Vote' dalam Tanggagaji F dan sebanding dan bagi jawatan Bergaji Hari - penetapan tanggagaji dan gaji adalah mengikut ketetapan sepertimana lazimnya.</b> |
| <b>4. JABATAN/KEMENTERIAN</b> | : | Jabatan-Jabatan Kerajaan  |
- 

**5. SYARAT KELAYAKAN**

- a. Mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- c.
  - i. Sedang berkhidmat dalam **perkhidmatan 'Open Vote' sebagai Pekerja Tingkat IV atau Pekerja Tingkat V** atau jawatan yang bersesuaian (bagi mana-mana jawatan sebelum diserapkan ke Perkhidmatan Tetap) sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F dan sebanding.

ATAU

- ii. Sedang berkhidmat dalam **perkhidmatan Gaji Hari** dalam jawatan dan dalam lingkungan bidang tugas serta kelulusan jawatan yang bersesuaian.



- d. **Bagi kakitangan bergaji hari yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Tetap** mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi tiga (3) tahun berturut-turut sekurang-kurangnya di tahap BAIK (Gred C) dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan.

**6. SYARAT-SYARAT LAIN**

- a. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk diluar masa pekerjaan biasa dan dimana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
- b. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

---

*Pindaan dan tambahan kepada Skim Perkhidmatan ke atas jawatan ini hendaklah dengan kebenaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam*

---

*Skim Perkhidmatan Bagi Penyerapan Kakitangan 'Open Vote' dan Bergaji Hari*

---

## 7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tertakluk kepada tugas dan tanggungjawab yang berkaitan dan yang diarahkan oleh Pegawai atasan di Jabatan/ Kementerian berkenaan.

## 8. TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN

Tempoh percubaan hanya akan **dikenakan bagi kakitangan bergaji hari yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Tetap sahaja dan tidak dikenakan bagi kakitangan dalam 'Open Vote'**.

Mereka adalah dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 1 tahun dan akan ditetapkan dalam jawatannya setelah berjaya menamatkan tempoh percubaan dan memenuhi syarat bagi penetapan jawatan serta mendapat sokongan Ketua Jabatan.

## 9. KURSUS/LATIHAN

Pekerja Tingkat II (Tetap) adalah dikehendaki mengikuti setiap kursus/latihan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

